

MINIT MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 3/2014

SURAU AN NUR SETIA ECO PARK

TARIKH : 11 Mei 2014 (AHAD)
MASA : 8.00 MALAM
TEMPAT : SURAU AN NUR, SETIA ECO PARK
KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN
AGENDA :

1. KATA-KATA ALUAN Pengerusi Surau An Nur

Yang Berbahagia Datuk Mohamad Bin Maidon merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada AJK yang hadir. Mesyuarat kali ini member tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

- Infrastruktur – Bilik Pengurusan Jenazah, Air Cond, dan partition saf muslimah.
- Aktiviti – Persiapan pengisian dalam bulan Ramadhan.
- Laporan Kewangan
- Lain-Lain Hal.

2. MELULUSKAN MINIT MESYUARAT

Minit mesyuarat siri 1/2014 telah diluluskan setelah dicadangkan oleh Hj Shamsudin dan disokong oleh En Zaini.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat diteruskan dengan membincangkan cadangan berikut:

Siri	Perkara	Tindakan
3.1	<p>PENGURUSAN SURAU</p> <p><u>Kebersihan Surau</u></p> <p>Tandas surau digunakan oleh peserta-peserta jamboree basikal Setia Alam pada pagi Ahad 11 Mei 2014, dan didapati kotor walaupun telah dibersihkan sebelumnya.</p> <p>Mesyuarat bersetuju pintu pagar surau dikunci sekiranya ada aktiviti besar disekitar surau untuk mengelakkan ianya digunakan bagi tujuan selain dari solat dan aktiviti ibadah.</p> <p><u>Komunikasi / Promosi Aktiviti Surau</u></p> <p>Untuk memastikan maklumat dari surau sampai kepada semua ahli kariah, selain menggunakan Whatsapp, sms, dan telefon,</p>	Siak

<p>3.2</p>	<p>LAPORAN KEWANGAN</p> <p>Bendahari telah membentangkan kedudukan kewangan surau berakhir pada 30 Apr 2014.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Petty Cash: RM 3,478.45 - Baki di Bank: RM 16,594.50 - Jumlah: RM 20,072.95 - Perbelanjaan masih belum bayar – Cabinet/rak buku, menunggu inbois. <p>Bendahari memaklumkan jumlah kutipan sumbangan kariah RM 50 sebulan setiap keluarga masih rendah.</p> <p>Akaun surau masih belum dibuka, setakat ini menggunakan akaun peribadi Hj Shamsudin yang dibuka khas untuk kegunaan surau. Setiausaha memaklumkan akaun surau tidak boleh dibuka kerana pendaftaran surau di JAIS masih belum diluluskan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk akaun surau dibuka dan pendaftaran surau di JAIS disempurnakan.</p>	<p>Bendahari, Setiausaha</p>
<p>3.3</p>	<p>PROGRAM KHAS RAMADHAN</p> <p>Mesyuarat bersetuju perkara berikut untuk dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Imam Ustaz Sabri akan mengetuai sembahyang terawih sepanjang Ramadhan <ul style="list-style-type: none"> o Tiket Penerbangan Ustaz Sabri dari Yaman ditaja Hamba Allah o Gaji Ustaz Sabri sebulan Ramadhan RM 2,000.00 ditaja oleh Dr Zamros dan isteri. - Kursus bilal terawih akan dikendalikan oleh Datuk Mohammad. - Moreh – kariah dijemput untuk menaja. Satu malam RM 300. - Tadarus – akan diselenggarakan oleh Datuk Mohammad. Kumpulan Muslimin dan Muslimah akan ditubuhkan. - Khatam Quran dan Qiamullail – pada minggu terakhir Ramadhan, dibimbing oleh Sheikh Zubair. - Majlis Buka Puasa Perdana Kariah Eco Park – 5 hb July. - Buka puasa di surau – untuk pastikan surau dilaungkan azan dan solat jemaah maghrib, akan ditaja oleh kariah mengikut giliran harian, sajian untuk 5 orang. - Gotong royong menjelang Ramadhan – seminggu sebelum Ramadhan, majlis BBQ dan suaikenal. - Solat Aidil Fitri – tidak akan diadakan di An Nur. 	<p>Semua AJK</p>

3.4	<p>Hal Hal Lain</p> <p>Mesyuarat mengambil keputusan untuk menangguhkan agenda lain ke mesyuarat akan datang oleh kerana kesuntukan masa.</p>	<p>Makluman</p>
-----	--	------------------------

4. UCAPAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap agar pengurusan surau akan berada di tahap yang tinggi agar menjadi daya penarik lebih ramai kariah menyertai aktiviti surau terutamanya dalam bulan Ramadhan kelak.

Mesyuarat akan datang akan diadakan dalam masa sebulan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.30 malam.

Disediakan oleh

Disemak oleh

.....
 (HJ MAT ASIS BIN MAHNOON)
 Setiausaha SURAU AN NUR

.....
 (DATUK MOHAMMAD BIN MAIDON)
 Pengerusi SURAU AN NUR

SENARAI KEHADIRAH MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 1/2014 PADA

16 JANUARI 2014

NAMA JAWATAN	NAMA PENYANDANG	KEHADIRAN
PENGERUSI	DATUK MUHAMMAD BIN MAIDON	Hadir
SETIAUSAHA	HAJI MAT ASIS BIN MAHNOON	Hadir
BENDAHARI	HAJI SHAMSUDIN BIN BASRI	Hadir
AJK WANITA	DR ANIS SAFURA BINTI RAMLI	Hadir
AJK REMAJA	EN ZAINI BIN ZAKARIA	Hadir
AJK	PUAN NORAINI BINTI ROSLAN	Tidak Hadir
AJK	HAJI MOKHSEIN BIN ABDULLAH	Hadir
AJK	HAJI AHMAD NAJHAN BIN JAMIL	Hadir
BILAL 1	HAJI JASMANI BIN HJ ABBAS	Hadir
BILAL 2	DR MOHD FADHLILLAH BIN MAHMOOD	Hadir
BILAL 3	DR ZULKIFLI BIN ZAINAL ABIDIN	Hadir
BILAL JENAZAH LELAKI	HAJI HAMDAN BIN ZAMBAHARI	Tidak Hadir
BILAL JENAZAH WANITA	DATIN FARIDAH BINTI ARIS	Tidak Hadir
PEMERIKSA KIRA KIRA 1	DR ZAKIR HUSSAIN	Hadir
PEMERIKSA KIRA KIRA 2	HAJI AYUB KHAN BIN MOHAMOD	Tidak Hadir